



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/56/6 JLD.4 (40)
Tarikh : 29 September 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN BAGI SKIM PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U5/U6/U7 KE GRED U9 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi skim **Penolong Pegawai Perubatan Gred U5/U6/U7 ke Gred U9**. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan pegawai yang **layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat umum dan khusus** seperti berikut:

2.1 Syarat Umum

- (a) telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- (c) Mencapai tahap prestasi perkhidmatan yang ditetapkan (markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **minimum 85%** bagi **tiga (3) tahun terkini (2022, 2023 dan 2024)** berdasarkan wajaran yang ditetapkan dan **markah prestasi tahun terakhir** hendaklah **sekurang-kurangnya 85%**);
- (d) bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib;
- (e) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang ditetapkan (dalam 5 tahun terkini);
- (f) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (g) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar oleh institusi pinjaman pendidikan; dan

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659

- (h) tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tempoh perkhidmatan di gred hakiki berubah disebabkan faktor-faktor berikut:
- i. semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji atau dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
 - ii. tidak hadir bertugas (THB) tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab munasabah; dan
 - iii. terlebih mengambil Cuti Rehat yang berkelebihan.

2.2 Syarat Khusus

Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

Gred Hakiki (Semasa)	Tempoh Perkhidmatan di Gred Hakiki (semasa)	Kelayakan Ijazah
U5	Sebelum atau pada 31 Disember 2010. Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan Gred U5 berubah ke tarikh 01 Januari 2011.	Wajib memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya seperti di Lampiran A.
U6	Sebelum atau pada 31 Disember 2016. Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat Gred U6 berubah ke tarikh 01 Januari 2017.	


U7	Sebelum atau pada 31 Disember 2019. Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat Gred U7 berubah ke tarikh 01 Januari 2020.	Tidak disyaratkan tetapi diberikan wajaran tertentu bagi pemilikan ijazah seperti di Lampiran A.
----	---	---

Nota: Penolong Pegawai Perubatan Gred U6 dan Gred U7 yang tidak memenuhi tempoh perkhidmatan di gred hakiki akan dikategorikan pada gred sebelumnya tertakluk kepada pemenuhan syarat khusus di gred sebelumnya.

3. Pegawai yang pernah menolak tawaran pemangkuan ke Gred U9 (Gred SSM:U42) berkuat kuasa pada atau selepas 18.03.2024 dalam urusan sebelum ini adalah tidak layak memohon urusan pada kali ini. Calon yang layak memohon hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023** dan dikemukakan lengkap dengan satu (1) salinan dokumen sebagaimana senarai semak di **Lampiran B**. Unjuran kekosongan jawatan di Zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada tarikh iklan dibuka adalah seperti di **Lampiran C**.

4. Calon yang memohon juga hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuan** untuk mengisi kekosongan semasa di negeri yang berkenaan. Berdasarkan **Perkara 36 dalam MyPPSM UP.3.1.1**, Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) boleh mengenakan **penalti** kepada pegawai yang **menolak tawaran pemangkuan** dengan **tidak menimbangkan pemangkuan** pegawai tersebut bagi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh surat penolakan / tarikh melaporkan diri yang ditetapkan **atau satu urusan, yang mana terkemudian.**


5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan pemangkuan ini adalah pada **31 Oktober 2025 (Jumaat)**. Surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan pemangkuan ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Semua dokumen permohonan bagi urusan pemangkuan ini hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Amylia binti Abdollah)

7. Bagi tujuan penyelarasan maklumat permohonan pemangkuan yang lebih lancar dan berkesan, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan juga dimohon untuk **memastikan calon yang memohon mengemukakan maklumat asas/peribadi melalui Kod QR** di bawah:



8. Sukacita diingatkan dalam pertimbangan sesuatu urusan pemangkuan, adalah menjadi tanggungjawab YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, perkara ini telah mendapat perhatian serius daripada LKP I KKM yang memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

9. Dimaklumkan juga bahawa calon-calon yang mempunyai rekod THB atau cuti rehat melebihi kelayakan tetapi belum diambil tindakan atau dijatuhkan hukuman tatatertib adalah layak dipertimbangkan pemangkuan sekiranya memenuhi kelayakan dan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2. Walau bagaimanapun, **Ketua Jabatan bertanggungjawab** untuk memastikan **tindakan tatatertib dilaksanakan dengan segera** supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

10. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk **menghebahkan** perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan **hanya permohonan daripada calon yang memenuhi syarat** sahaja dikemukakan ke Bahagian ini. Selain itu, semua maklumat yang dikemukakan hendaklah disemak dan disahkan tepat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang terkini. **Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan.** Permohonan yang **lewat diterima atau tidak lengkap** dengan dokumen yang diperlukan **tidak akan diproses.**


11. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAFEEZAH BINTI ABDUL HALIM)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

- s.k.: - SUB (SM)
- TSUB (NPP)
- Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
- Unit Paramedik & Auksiliari 1, BSM

SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan Mohon panjangkan kepada
semua bahagian/jabatan di
IPKKM
- Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan Mohon panjangkan kepada
semua institusi latihan KKM
di bawah BPL
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

SENARAI EDARAN:

- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Tunku Azizah Kuala Lumpur
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengarah
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

JABATAN KADER

- Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
15, Jalan Padang Tembak, Kementah
50634 Kuala Lumpur
- Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 5, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. Putrajaya
- Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
- Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Menara KBS
27, Persiaran Perdana, Presint 3
62570 W.P. Putrajaya
- Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kompleks Kerajaan Parcel D
Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1
62000 W.P. Putrajaya
- Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Bahagian Pengurusan
No.55, Persiaran Perdana, Presint4
62100 W.P. Putrajaya

- Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang
Selangor
- Ketua Pengarah
Jabatan Pengurusan
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
50560 Bukit Aman
Kuala Lumpur
- Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
No.15, Persiaran Perdana, Presint 2
62550 W.P. Putrajaya
- Ketua Pengarah
Jabatan Penjara Malaysia
Bukit Wira. 43000 Kajang
Selangor
- Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Kompleks Pusat Islam, Jalan Perdana
50676 Kuala Lumpur

LAMPIRAN A

**SENARAI IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN YANG DIPERAKUKAN
BERKAITAN DENGAN BIDANG TUGAS BAGI SKIM PERKHIDMATAN
BERSEPADU PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN**

BIL.	BIDANG IJAZAH	NAMA INSTITUSI
1.	Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan dengan kepujian. <i>Bachelor of Emergency Medical Science with Honors</i> MQA/SWA0077	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2.	Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan & Kesihatan dengan kepujian. <i>Bachelor of Medical & Health Sciences (Hons)</i> MQA/FA9318	Open University Malaysia (OuM)
3.	Ijazah Sarjana Muda Sains Kejururawatan dengan kepujian <i>Bachelor of Nursing (Hons) - UM</i> <i>Bachelor of Nursing Practice Development (Hons) - MAHSA</i>	Universiti Malaya Mahsa College University
4.	Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Psikologi) MQA/SWA12413	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
5.	Ijazah Sarjana Muda Sains Forensik Dengan Kepujian	Universiti Sains Malaysia (USM)
6.	Ijazah Sarjana Muda Sains Bio Perubatan Dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
7.	Ijazah Sarjana Muda Penjagaan Pra Hospital Dengan Kepujian	IPTA / IPTS
8.	Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan Dengan Kepujian	UNISEL
9.	Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan Dengan Kepujian	Universiti Malaya (UM)
10.	Ijazah Sarjana Muda Dietetik Dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Nota:

Ijazah sarjana muda kepujian seperti dalam senarai di atas hendaklah diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	ADA	/ TIADA
1. Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023	☐	☐
 NPS(M)1/2015.2023		
2. Borang PP-1	☐	☐
3. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan (BRP) yang telah dikemaskini dan lengkap termasuk maklumat pengesahan status opsyen SSPA	☐	☐
4. Salinan kelulusan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	☐	☐
5. Pengesahan pengisytiharan harta dalam tempoh 5 tahun terkini (<i>Salinan surat pengisytiharan harta</i>)	☐	☐
6. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT (<i>Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan muka surat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja</i>)	☐	☐
7. Pengesahan pemilikan/ kelulusan Pos Basik (<i>Salinan sijil pos basik atau catatan jelas dalam BRP</i>)	☐	☐
8. Salinan ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan/ diiktiraf oleh Kerajaan	☐	☐
9. Telah mengisi maklumat asas/peribadi dalam pautan Kod QR seperti dinyatakan di Perenggan 7 (Iklan)	☐	☐

LAMPIRAN C

**UNJURAN KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U9
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

(Sehingga Disember 2026)

BIL.	ZON	KEKOSONGAN
1.	SEMENANJUNG	131*
2.	SARAWAK	5*
3.	SABAH/ W.P LABUAN	12*
JUMLAH		148*

***maklumat di atas adalah unjuran sahaja dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.**

BORANG PP-1

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Bahagian Sumber Manusia,
Unit Naik Pangkat (Pelaksana),
Aras 9, Blok E7, Parcel E,
62590 W.P. PUTRAJAYA

**SURAT AKUAN
PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI / TABUNG PENDIDIKAN**

Saya..... No. K.P :.....
mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hingga.....sebanyak RM dan.....mulai tarikh hingga.....sebanyak RM Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hinggasebanyak RM dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai / potongan gaji mulai;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh hinggasebanyak RM dan saya telahpun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4(f) dan Peraturan 4(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :

LAMPIRAN 1

**PENGESAHAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)
BAGI TAHUN 2022, 2023 DAN 2024
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U5/U6/U7 KE GRED U9**

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN	LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN		
					
1.					

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

.....

.....

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Tarikh :

Tarikh :